



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 Jun 2024

**KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG PEMBENTANGAN LAPORAN PAC  
MENGENAI FELCRA BHD DI BAWAH MENTERI KEWANGAN  
DIPERBADANKAN, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan PAC berhubung FELCRA Berhad di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di Dewan Rakyat.
2. PAC memlih isu ini, selepas ia dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 16 Februari 2023 memandangkan Felcra adalah sebuah syarikat berkaitan Kerajaan yang sinonim dengan usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar terutamanya golongan pekebun kecil.
3. Laporan ini terbahagi kepada dua (2) jilid iaitu Jilid 1 merangkumi Laporan setebal 100 muka surat berserta dokumen pembentangan dan Jilid 2 adalah hansard bagi prodising yang telah diadakan. Laporan ini dibentangkan selepas PAC mengadakan sembilan (9) prosiding bermula 27 Jun 2023 hingga 29 Februari 2024 dengan memanggil 15 saksi terdiri daripada Jabatan Audit Negara, MOF, KKDW, FELCRA Berhad dan syarikat WZR Group iaitu kontraktor Menara Semarak 20. Turut menjadi saksi dalam isu

ini adalah mantan Pengerusi FELCRA Berhad iaitu Yang Berhormat Datuk Bung Mokhtar bin Radin dan Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman.

4. Penyediaan laporan ini mengambil masa selama dua hari dan jumlah masa yang diperuntukkan PAC untuk menyelesaikan prosiding serta menyiapkan laporan ini bermula daripada prosiding pertama sehingga laporan ini dapat dibentangkan adalah selama lebih kurang 50 jam.
5. Melalui prosiding yang diadakan, penemuan PAC adalah terhadap perkara-perkara seperti berikut:
  - i. Petunjuk prestasi utama (KPI)
  - ii. Program penyatuan & pemulihan (P&P)
  - iii. Sumbangan hal ehwal peserta (HEP)
  - iv. Dividen kepada kerajaan dan peserta
  - v. Perladangan – pembajaan & tenaga kerja ladang
  - vi. Perkilangan
  - vii. Syarikat subsidiari & usaha sama; dan
  - viii. Tadbir urus korporat
6. Semasa prosiding berlangsung, PAC telah dimaklumkan bahawa hutang FELCRA Berhad dan anak-anak syarikat FELCRA Berhad berjumlah RM1.532 bilion telah distrukturkan dan dijadualkan semula untuk tempoh 35 tahun oleh pihak Kerajaan melalui kelulusan Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2021.
7. Pihak FELCRA Berhad turut memaklumkan bahawa pinjaman yang telah distrukturkan semula kini dibayar mengikut jadual yang telah ditetapkan di samping memberi ruang kepada FELCRA Berhad untuk menjalankan pengoperasian syarikat.

8. Namun, melalui prosiding yang dijalankan, PAC mendapati faktor penyumbang terbesar bagi situasi keberhutangan ini adalah kerugian pengoperasian anak-anak syarikat FELCRA Berhad. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui hutang syarikat-syarikat usaha sama estet, berjumlah RM309.8 juta dan FELCRA Properties kepada FELCRA Berhad yang berjumlah RM842.7 juta, di mana, Kerajaan telah memberikan pinjaman berjumlah RM544 juta kepada FELCRA untuk pembangunan sebuah projek komersil di Jalan Semarak, Kuala Lumpur dikenali sebagai Semarak20.
9. Berikutan itu, PAC telah menjalankan prosiding dengan begitu teliti terhadap penyaluran pinjaman Kerajaan ini kepada FELCRA kerana berpandangan syarikat berkaitan Kerajaan ini tidak mempunyai kepakaran dalam pembangunan komersil sebesar projek Semarak20. PAC telah merumuskan perkara ini dalam rumusan 7.4 dan 7.5 dalam laporan ini.
10. Tiga lagi rumusan PAC Parlimen adalah:
  - i. FELCRA meletakkan objektif penubuhan asal dan mandat untuk mencipta dan menjana pendapatan peserta-peserta FELCRA dalam memenuhi mandat sosial dan ekonomi yang dipertanggungjawabkan tetapi ianya masih belum dapat dicapai sepenuhnya.
  - ii. Baki pinjaman FELCRA dengan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM3.674 bilion. Kerajaan melalui Dewan Rakyat telah bersetuju untuk menukar sebahagian hutang FELCRA sebanyak RM969.27 juta yang merupakan hutang peserta FELCRA kepada ekuiti Kerajaan Pusat.

- iii. Pada masa yang sama, berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2, Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan, (2019-2021) FELCRA menerusi syarikat-syarikat subsidiari telah menceburi pelbagai bidang perniagaan namun tidak membantu menjana pendapatan malah mendatangkan bebanan hutang yang lebih bagi menanggung operasi perniagaan tersebut.
11. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan 5 perkara untuk dilaksanakan dalam isu FELCRA ini iaitu seperti berikut:
- i. FELCRA perlu melihat kembali struktur serta operasi kumpulan syarikat FELCRA berdasarkan matlamat asal penubuhan syarikat serta obligasi sosialnya demi menjaga kepentingan peserta dan pembangunan masyarakat luar bandar.
  - ii. KKDW dan FELCRA perlu lebih bertanggungjawab dan tegas dalam mengawal selia anak-anak syarikatnya supaya menjana keuntungan dan mencapai matlamat penubuhan.
  - iii. FELCRA hendaklah membina keupayaan sebelum menceburi apa-apa bidang yang selain daripada perniagaan teras.
  - iv. KKDW perlu memastikan FELCRA dan FELCRA Properties merangka strategi menyeluruh, termasuk jualan dan juga peluang perniagaan, bagi projek Semarak20 berjaya supaya pembayaran semula hutang kepada Kerajaan dapat dilakukan dan memperkukuhkan kedudukan kewangan syarikat.

- v. KKDW dan FELCRA perlu melaporkan perkembangan terkini status pembayaran hutang kepada Kerajaan dan pelaksanaan strategi ke atas projek Semarak20 kepada PAC setiap tiga (3) bulan sebagai satu mekanisme pemantauan.
12. PAC memberikan tempoh selama 2 bulan kepada MKD, MOF, KKDW dan FELCRA Berhad sebelum dipanggil semula untuk Prosiding Tindakan Susulan bagi membolehkan Jawatankuasa ini mengetahui tindakan yang telah diambil oleh MOF dan Felcra terhadap lima (5) syor PAC yang dikemukakan.
  13. Orang ramai boleh membaca setiap keterangan dan penemuan laporan ini dengan melayari laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**